

03 NOV 2003

PARLIMEN: PM MINTA RAKYAT TUMPU USAHA CAPAI CITA-CITA TUN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Rakyat perlu memberi segala tumpuan untuk mencapai cita-cita yang telah digariskan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bagi membangunkan bangsa dan negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata Dr Mahathir telah banyak memberi sumbangan termasuk soal kepimpinan dan pentadbiran negara menerusi usaha beliau yang telah dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan komitmen.

"Beliau telah pun memberi keyakinan kepada kita bahawa rakyat Malaysia memang boleh melakukan sesuatu demi kejayaan," katanya semasa menggulung usul terima kasih kepada Dr Mahathir yang dibentangkan oleh beliau di Dewan Rakyat di sini.

Abdullah dalam penggulungan ringkas itu mengucapkan terima kasih kepada anggota Parlimen yang berucap mengenai usul itu, sebanyak lapan orang yang telah mengambil bahagian melahirkan rasa penghargaan mereka terhadap jasa dan sumbangan Dr Mahathir kepada pembangunan bangsa dan negara.

Perdana Menteri juga mengucapkan terima kasih kepada anggota dewan yang mengambil bahagian untuk menyuarakan pandangan dan menyokong usul terima kasih kepada beliau.

Katanya: "Saya akan ambil ingatan terhadap teguran dan penilaian yang diberikan dalam usaha untuk kita untuk mengambil tindakan yang mempunyai hubung kait dengan pembangunan negara."

-- BERNAMA

HM HM BK